

Razie, Lai Kwan jagoan UPM

Serdang: Pemain hoki kebangsaan, Muhammad Razie Abdul Rahim dan perenang wanita kebangsaan, Chui Lai Kwan muncul Olahragawan dan Olahragawati Universiti Putra Malaysia (UPM) pada majlis Anugerah Sukan universiti itu, semalam.

Kedua-dua atlet masing-masing membawa pulang piala iringan dan wang tunai RM1,500 yang disampaikan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Profesor Dr Mohammad Shatar Sabran.

Muhammad Razie dipilih berdasarkan pencapaian cemerlangnya membantu skuad hoki lelaki UPM memenangi pingat emas Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2012 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta membantu skuad hoki kebangsaan meraih gangsa pada kejohanan Trofi Cabaran Asia di Doha, Qatar pada tahun yang sama.

Lai Kwan, 22, pula dipilih berdasarkan pencapaian cemerlangnya meraih 13 pingat emas pada kejohanan MASUM. Pelajar jurusan Sains Dan Teknologi Makanan itu turut membantu skuad renang kebangsaan memenangi tiga pingat emas dan satu perak pada kejohanan Sukan Universiti Asean (AUG) di Laos tahun lalu.

BERNAMA